



PEJABAT TOURISM PERAK MANAGEMENT BERHAD KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat kontraktor/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	TARAF / JENIS SYARIKAT	KOD BIDANG/GRED/ KATEGORI/ PENGKhususan	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU SEBUT HARGA TUTUP
Tourism Perak Management Berhad TPMB-KW/400-5/3/45	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN AGEN PENGEMBARAAN BAGI PENYERTAAN TOURISM PERAK KE PROGRAM PAMERAN <i>CHINA MALL SHOW</i> , PADANAN PERNIAGAAN (B2B) DAN SESI <i>NETWORKING</i> DI GUANGZHOU, KUNMING DAN CHENGDU	Bumiputera	221307 – Ajen Pengembaraan	Pejabat Tourism Perak Management Berhad No 4, Lebuhraya Ceylon, 30350 Ipoh, Perak Tarikh 24 Februari 2025 12:00 tengah hari	RM10.00 Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Bentuk Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos / Tunai	Kaunter Tourism Perak 03 Mac 2025 12:00 tengah hari

Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau; secara tunai ke pejabat, kiriman wang pos atau wang kiriman pos berpaling, dan dibayar atas nama Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia**. Penyebut harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya.


Dokumen sebut harga boleh dibeli di **kaunter Tourism Perak Management Berhad, No 4, Lebu Ceylon, 30350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**.

Tarikh tutup Sebut Harga 03 Mac 2025 jam 12.00 tengah hari. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri/sea/** serta ditulis **No. Rujukan sebut harga dan Perihal Sebut Harga** di sudut sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan di dalam Peti Sebut Harga di **kaunter, Tourism Perak Management Berhad, No 4, Lebu Ceylon, 30350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**.

Tourism Perak Management Berhad tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (Akta 694)**.

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).



.....
NORMALIS BINTI MUSA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
TOURISM PERAK MANAGEMENT BERHAD

Tarikh Iklan: 21 Februari 2025